

**UCAPAN OLEH**

**MENTERI KERJA RAYA  
YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI**

**PADA**

**MAJLIS PELANCARAN MYPLUS-TTA**

**TARIKH : 30 JANUARI 2024 (SELASA)  
LOKASI : DEWAN BANKUET, PERSADA PLUS**

Terima kasih saudara pengacara majlis.

**Salutation (To be updated once all VIPs have confirmed their attendance)**

- 1) Yang Berbahagia Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam Haji Ahmad**  
Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya
  
- 2) Yang Berbahagia Dato' Ir. Sazali Harun**  
Ketua Pengarah, Lembaga Lebuhraya Malaysia
  
- 3) Yang Berbahagia Datuk Nik Airina Nik Jaffar**  
Pengarah Urusan, PLUS Malaysia Berhad
  
- 4) Yang Berbahagia Datuk Ir. Zakaria Ahmad Zabidi**  
Ketua Pegawai Operasi, PLUS Malaysia Berhad
  
- 5) PDRM**
  
- 6) JPJ**
  
- 7) MIROS**
  
- 8) Rakan-rakan media, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian.**

Salam sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

1. Saya berasa syukur dan gembira kerana dapat kita bersama-sama menghadiri majlis pelancaran MyPLUS-TTA di Persada PLUS pada hari ini. Saya percaya, pelancaran inisiatif baru PLUS ini akan dapat memberikan impak yang lebih signifikan kepada kesejahteraan dan perjalanan rakyat di musim perayaan Tahun Baru Cina yang akan datang.
2. Beberapa hari lagi, Malaysia dan seluruh dunia akan sama-sama meraikan Sambutan Tahun Baru Cina. Uniknya di Malaysia, perayaan Tahun Baru Cina ini bukan sahaja diraikan oleh mereka yang berbangsa Cina, malah turut diraikan oleh kaum-kaum lain di negara ini dengan cara mereka yang tersendiri. Walaupun bukan dengan bentuk sambutan budaya dan keagamaan, tetapi dengan cara bercuti dan sebagainya. Fenomena ini menyaksikan rakyat Malaysia bergerak ke kampung, mengunjungi pusat-pusat percutian dan pelancongan mahupun ke pusat-pusat makan viral dan istimewa.
3. Fenomena ini lazimnya menyaksikan jutaan kenderaan akan membanjiri lebuh raya-lebuh raya di negara ini dan ia memerlukan pihak Kerajaan, agensi penguatkuasaan serta syarikat-syarikat konsesi lebuh raya menyusun strategi untuk membantu rakyat bergerak dengan lancar, selamat dan selesa. Ini selari dengan hasrat dan objektif Malaysia Madani dalam memberi keutamaan kepada kebajikan rakyat.
4. Ternyata, majlis yang diadakan serta inisiatif baru yang diperkenalkan pada hari ini membuktikan hasrat PLUS serta komitmen dan kolaborasi

bersama Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuhraya Malaysia, dalam menyokong usaha negara dalam mencapai objektif ini. Apa yang lebih menarik, usaha ini mengadaptasikan pendekatan baru menerusi pendigitalan dan selari dengan perkembangan teknologi masa kini yang semakin pesat.

5. Terima kasih PLUS di atas komitmen dan sentiasa peka serta terus berusaha menambah baik perkhidmatan lebuhrayanya. Menerusi inovasi MyPLUS-TTA ini, saya yakin ia dapat memberi nafas baru kepada bagaimana rakyat boleh merancang perjalanan mereka, meningkatkan pengalaman perjalanan pengguna dan mengurangkan kemungkinan berlakunya kesesakan di lokasi-lokasi tertentu di lebuhraya.
6. Sudah tentu, pelancaran MyPLUS-TTA ini akan memberikan manfaat dan kemudahan khususnya kepada pengguna Lebuhraya Utara-Selatan, seterusnya memperkukuhkan agenda dan memenuhi aspirasi pendigitalan kerajaan.
7. Sepertimana yang disebut oleh Pengarah Urusan PLUS Datuk Nik Airina sebentar tadi, MyPLUS-TTA menandakan salah satu anjakan paradigma dalam cara syarikat PLUS mengendalikan perjalanan khususnya bagi pengguna lebuhraya. Pendekatan inovatif dan teknologi pengurusan data ini telah membolehkan PLUS untuk memperkenalkan MyPLUS-TTA.
8. Saya juga difahamkan bahawa inisiatif ini merupakan penambahbaikan kepada jadual Cadangan Waktu Perjalanan (TTA) yang biasa dikeluarkan oleh PLUS sejak dari tahun 2007. Apa yang lebih menarik, menerusi

aplikasi ini, pengguna lebuhraya dapat memilih waktu perjalanan berdasarkan plaza tol masuk dan plaza tol keluar dan memilih waktu perjalanan yang bersesuaian.

## **INTEGRASI TEKNOLOGI DALAM PENGURUSAN LEBUHRAYA NEGARA**

9. Kementerian Kerja Raya sentiasa komited dalam mendokong hasrat Kerajaan dalam memperkasakan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dengan penggunaan teknologi berketepatan tinggi dan efisien. Inovasi teknologi penyenggaraan jalan misalnya, amat penting dalam menyediakan kemudahan infrastruktur yang selesa dan selamat dengan penglibatan dan tanggungjawab bersama semua pihak. Ini terbukti dengan pelancaran **Kempen MyJalan** sebelum ini.
  
10. Justeru, saya mengambil kesempatan ini untuk menggesa semua pemain-pemain industri lebuhraya untuk mengadaptasi perkembangan teknologi terkini melalui inovasi bagi mendorong pembangunan masa hadapan yang mampan dan lestari. Kementerian Kerja Raya akan sentiasa menyokong penuh inisiatif terbaharu yang diperkenalkan oleh setiap Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia terutamanya dalam pembangunan teknologi dan digital yang menjadi fokus utama negara pada masa kini bagi memudahkan rakyat di negara kita sendiri.

## APLIKASI MYJALAN KKR

Hadirin sekalian,

11. Seperti mana yang sebutkan sebentar tadi, melalui program MYJalan, Kementerian Kerja Raya turut memperkenalkan **Aplikasi aduan** yang dikenali **MYJalan KKR** yang berbentuk 'one stop centre'. Berkonsepkan 'No Wrong Door Policy' aplikasi ini menerima semua jenis aduan berkaitan termasuk kerosakan jalan raya, infrastruktur jalan raya, termasuk jalan yang bukan di bawah seliaan Kementerian Kerja Raya dan aduan-aduan tersebut akan disalurkan kepada pihak bertanggungjawab untuk diambil tindakan segera.
  
12. Sejak pelancarannya sehingga 26 Januari 2024, aplikasi MYJalan telah menerima **10,039 aduan**. Dari jumlah ini, aduan 'No Wrong Door Policy' mencatatkan sebanyak **7,406 aduan (73.77%)**. Manakala, aduan di bawah KKR adalah sebanyak **2,633 aduan (26.23%)**.

## INTEGRASI MYJALAN KKR DAN MyPLUS-TTA

13. KKR sentiasa berusaha mencari ruang dan peluang dalam membuat penambahbaikan setiap inisiatif yang ditawarkan bagi memudahkan rakyat. Atas dasar itu, bagi menambah baik aplikasi MYJalan, saya sudah mengadakan perbincangan bersama Pengarah Urusan PLUS bagi **mengintegrasikan aplikasi MyPLUS-TTA ke dalam aplikasi MYJalan KKR pada setiap musim cuti perayaan**. Ini bagi memudahkan rakyat

untuk mengakses serta merancang perjalanan mereka dengan lebih efisien.

14. Integrasi MyPLUS-TTA di dalam MyJalan membolehkan aplikasi ini diakses oleh lebih ramai pengguna lebuhraya dan mengukuhkan lagi fungsi MyJalan sebagai 'One-Stop Centre'.

## **PENUTUP**

15. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia, PLUS, serta semua pihak yang terlibat atas sokongan dan komitmen yang ditunjukkan dalam usaha memperkenalkan aplikasi yang mesra pengguna untuk kemudahan pelanggan lebuhraya. Semoga usaha kita ini dapat memberi manfaat kepada rakyat Malaysia Madani.
16. Saya dengan ini merasmikan MyPLUS-TTA. Sekian, Terima kasih.